

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT KETIGA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL
GHAPUR BIN HAJI SALLEH
[KALABAKAN]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2015

SOALAN :

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur BIN Haji Salleh
[KALABAKAN] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) berapakah nilai semasa saham FGV dibandingkan dengan harga FGV dan;
- (b) apakah penyebab utama kemerosotan nilai saham tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan nilai aset bersih FGV pada suku kedua 2015 adalah pada RM1.73 sesaham. Manakala nilai saham semasa pada 1 Julai 2015 adalah RM1.64 sesaham. Nilai aset bersih FGV adalah lebih tinggi berbanding nilai saham semasa pada suku berkenaan. (Laporan suku kedua 2015 FGV telah diaudit oleh badan audit bebas, Pricewaterhouse Coopers (PwC).

Harga minyak sawit mentah (MSM) ketika ini berdepan dengan keadaan tidak menentu dan mencatatkan gaya penurunan sejak dari penghujung 2014. Penurunan harga MSM tersebut telah memberi tekanan kepada semua pemain-pemain industri sawit dunia dan dijangkakan terus berlanjutan sehingga 2016. Disebabkan persekitaran industri yang mencabar dan prospek kembali pulih masih samar, pelabur-pelabur mula hilang keyakinan terhadap industri sawit. Senario ini telah menyebabkan nilai saham syarikat-syarikat berasaskan perniagaan sawit mencatatkan gaya penurunan dan FGV merupakan syarikat paling terkesan kerana 70 % perolehannya adalah dari sektor ladang, jauh lebih tinggi berbanding syarikat lain.

Namun begitu, ketika berdepan dengan persekitaran yang mencabar, FGV giat melaksanakan program transformasinya bagi mengukuhkan syarikat untuk jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Kesan pelan transformasi yang dilaksanakan telah berjaya mengurangkan impak tekanan pasaran terhadap syarikat.

Sekian. Terima kasih.